

NewspaperSG

Dua pesilat berentap di Belanda

Berita Harian, 15 October 2013, Page 25

 Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

Dua pesilat berentap di Belanda

Persisi hantar Shakir dan Muhd Nur Alfian, harap pulang dengan pingat emas

► **YUSOFF A. RAHMAN**

yusoff@sph.com.sg

SELAGI pesilat negara ada peluang melangkah ke medan pertempuran antarabangsa, selagi itu mereka akan terus diberikan peluang bertarung.

Ini adalah sebahagian daripada usaha Persekutuan Silat Singapura (Persisi) untuk memastikan para pesilat membuat persiapan terbaik menjelang Sukan Sukan SEA Myanmar nanti.

Justeru, juara dunia, Shakir Juanda dan Muhd Nur Alfian Jumaen, akan berpeluang terus menguji tahap keupayaan masing-masing dengan menyertai Kejohanan Pencak Silat Belanda dari 25 hingga 30 Oktober ini.

Menurut ketua pegawai eksekutif Persisi, Sheik Alauddin Yacoob, kejohanan ini sepatutnya melibatkan tiga buah negara iaitu Belanda, Belgium dan Jerman.

“Tetapi melalui kenalan saya di sana, saya telah diminta mengirimkan pesilat untuk mengambil bahagian.

“Masalahnya, kami tidak mempunyai bajet mengirimkan dua pesilat ini bersama jurulatih Hidayat Hosni.

“Tetapi kami telah meminta tajaan daripada Yayasan Lee bagi mengirimkan dua pesilat dan seorang jurulatih ke Belanda,” kata Sheik.

Bercakap mengenai kejohanan ini, Sheik berkata ini adalah peluang Shakir dan juga Alfian untuk berdepan dengan pesilat-pesilat dari Eropah yang lebih lasak.

“Memandangkan ini adalah tahun Sukan SEA di Myanmar, kedua-dua pesilat ini adalah harapan negara bagi memungut pingat.

“Jadi, adalah penting kededua Shakir dan Alfian menyertai sebanyak kejohanan yang boleh.

“Oleh kerana mereka akan menghadapi pesilat-pesilat terbaik Eropah, ja-

di mereka tidak boleh mengambil ringan kejohanan ini,” Sheik menambah.

Bagaimanapun, beliau menarik perhatian berdasarkan kepada pencapaian pesilat negara dalam kejohanan-kejohanan di Eropah seperti di Switserland, Perancis dan Belgium, pesilat-pesilat negara selalu menyerlah.

“Memandangkan kedua-dua pesilat ini adalah penerima biasiswa Spex maka kedua-duanya sewajarnya sentiasa berada dalam keadaan bersedia bertarung dalam mana-mana kejohanan.

“Saya telah menggariskan matlamat agar mereka pulang dengan kalungan pingat emas.

“Saya harap penyertaan kedua-dua pesilat ini akan mendorong para pesilat negara yang lain agar berlatih lebih gigih supaya mereka juga berpeluang menyertai kejohanan seperti di Eropah,” Sheik menambah.

Mengulas penyertaannya dalam kejohanan ini, Shakir berkata ini adalah kali keempat beliau bertarung di Eropah.

“Kali pertama ialah semasa saya memenangi pingat emas dalam Kejohanan Terbuka Paris pada 2008 dan Terbuka Belgium.

“Ketika itu, saya bertanding dalam Kelas C. Pada 2009, saya hanya memungut pingat gangsa dalam Terbuka Paris.

“Kini, saya akan bertanding dalam Kelas H. Oleh kerana saya terpilih menyertai kejohanan ini, saya bertekad pulang dengan pingat emas.

“Saya harap pesilat-pesilat muda akan mengikuti jejak saya dengan memenangi pingat setiap kali saya diberikan peluang mengambil bahagian dalam kejohanan antarabangsa,” kata Shakir.

Alfian pula memberitahu beliau telah menyertai kejohanan di Eropah sebanyak dua kali.

“Yang pertama dan yang kedua ialah semasa bertanding dalam kelas junior.

“Matlamat saya ialah memenangi pingat emas dalam Kelas F sebagai pendorong bagi saya beraksi lebih baik lagi apabila menghadapi Sukan SEA Myanmar nanti.

“Walaupun saya pesilat baru dalam bahagian senior, saya lebih mantap dan sudah bersedia menghadapi cabaran kejohanan ini,” kata Alfian.



EMAS MENJADI SASARAN: Juara dunia, Shakir Juanda (*kiri*), bersama Nur Alfian (*kanan*), bertekad mahu memenangi pingat emas dalam Kejohanan Pencak Silat Belanda. Mereka diiringi oleh jurulatih, Hidayat Hosni. – Foto PERSISI

– Foto PERSISI